



## PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



### KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada penyebut harga-penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti jadual di bawah bagi tawaran berikut:

| BIL. | NO. SEBUT HARGA | BUTIR-BUTIR BEKALAN/PERKHIDMATAN   | KOD BIDANG KEMENTERIAN KEWANGAN   | TARIKH & TEMPAT TAKLIMATSEBUT HARGA |
|------|-----------------|--|---|-------------------------------------|
| 1    | MDA/SH/03/2023  | Tawaran Sebut Harga Bekalan dan Perkhidmatan Perkakasan dan Perisian ICT Bagi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia | <b>210101,210103<br/>DAN 210109</b><br><br>(wajib berdaftar dalam kod bidang di atas untuk menyertai sebut harga) | Tiada taklimat.                     |

2. Penyebut harga yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika ada) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa mendapatkan Dokumen Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga akan diberikan nombor siri untuk tujuan pengawalan.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapatkan pada waktu pejabat dari jam **9.00 pagi hingga 4.00 petang mulai 26 Jun 2023 (Isnin) sehingga 10 Julai 2023 (Isnin)** di Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II, Blok 3547, Persiaran APEC, 63000 Cyberjaya, Selangor. Walau bagaimanapun, Penyebut harga yang beminat menyertai tawaran sebut harga ini hendaklah membuat temu janji bersama urus setia terlebih dahulu melalui emel **perolehan@mda.gov.my**.
4. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dihantar ke pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II, Blok 3547 Persiaran APEC, 63000 Cyberjaya, Selangor. Penyebut harga hendaklah mengemukakan Cadangan Sebut Harga **sebelum atau jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga** iaitu pada **10 Julai 2023 (Isnin)**. Tawaran sebut harga yang lewat **diterima tidak akan dipertimbangkan**.
5. Pihak Berkuasa Peranti Perubatan tidak terikat menerima Sebut Harga yang terdedah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga. Semua perbelanjaan berkaitan dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab penyebut harga sendiri.